

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SBW302 - Pengurusan Sumber-Sumber Asli

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Setiap soalan bernilai 100 markah.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab dari setiap bahagian, A dan B.

Bahagian A

Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab dari bahagian ini.

1. Bincangkan langkah-langkah pengurusan sumber asli yang dikemukakan dalam model pengurusan sumber McHag.
2. Apakah yang anda faham dengan konsep kemampuan menampung (carrying capacity)? Sejauhmana konsep ini boleh digunakan bagi menghuraikan hubungan antara kependudukan dan sumber?
3. Huraikan dengan terperinci langkah-langkah yang sering digunakan oleh kebanyakan pihak penguasa tempatan di rantau ini bagi menyelesaikan masalah tanah di bandar.

Bahagian B

Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab dari bahagian ini.

4. Huraikan perbezaan

- i) Falsafah "anthropocentric" dengan
- ii) Falsafah "biocentric" (atau "ecocentric")

Bagaimanakah falsafah-falsafah ini mempengaruhi tindakan manusia terhadap penggunaan sumber alam sekitar dan asli?

5. Hasil tangkapan perikanan dalam sistem perikanan laluan-terbuka (open-access fisheries) akan mencapai tahap hasil mampan yang maksimum (maximum sustainable yield). Seterusnya, jika usaha dan kos tangkapan ditingkatkan, satu keadaan dimana faedah nol akan tercapai atau terdapatnya keseimbangan hasil laluan-terbuka (open-access equilibrium yield).

- i) Terangkan hujah-hujah dan konsep-konsep di atas dengan gambaran model ekonomi yang tertentu.
- ii) Bagaimanakah model ini berguna bagi usaha-usaha pemuliharaan perikanan?

6. Soalan-soalan di bawah adalah berkaitan dengan kos luaran (externality) dalam pengurusan sumber asli:

- i) Terangkan konsep "externality" dalam penilaian kos-faedah pengurusan sumber asli.
- ii) Bagaimanakah konsep ini menunjukkan kegagalan pasaran dalam menyelesaikan masalah kepupusan sumber asli?
- iii) Apakah undang-undang yang boleh diadakan sebagai mengambil kira kos luaran?